

NO SOALAN :50**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI
(KUDAT)****PERTANYAAN : LISAN****TARIKH : 26.07.2017**

Y.B. DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah Kerajaan menyediakan 'full-fledged' perkhidmatan bank di Daerah Pitas memandangkan daerah ini semakin berkembang ekonominya dan perlu disokong oleh kewujudan perkhidmatan bank untuk memberi perkhidmatan kepada pengguna dan peniaga tempatan memandangkan mereka terpaksa ke perkhidmatan terdekat di Kota Marudu hampir 70 kilometer jauhnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, khusus bagi daerah Pitas di

Sabah, terdapat tujuh ejen Bank Simpanan Nasional (BSN) dan satu ejen Agrobank yang menyediakan perkhidmatan kewangan di sekitar daerah tersebut. Oleh yang demikian, penduduk setempat tidak perlu pergi jauh bagi keperluan perbankan asas mereka. Antara perkhidmatan perbankan asas yang disediakan oleh ejen bank tersebut adalah seperti berikut :

- i. Mengambil deposit;
- ii. Mengendalikan pengeluaran wang;
- iii. Mengendalikan pindahan dana / wang;
- iv. Menerima pembayaran pinjaman / pembiayaan;
- v. Mengendalikan pembayaran bil; dan
- vi. Membuka akaun simpanan (BSN sahaja)

Di daerah Pitas, perkhidmatan ejen bank didapati sangat efektif dalam membantu penduduk setempat untuk membuat transaksi perbankan, yang kebanyakannya terdiri daripada transaksi asas seperti pengambilan deposit dan pengeluaran wang. Pihak Bank Negara Malaysia (BNM) juga akan terus bekerjasama dengan industri perbankan bagi meluaskan perkhidmatan ejen bank secara berperingkat untuk menambah baik servis yang sedia ada.

Justeru, bank-bank terbabit telah memberi komitmen untuk terus memantau tahap penggunaan perkhidmatan perbankan ejen-ejen bank ini oleh penduduk setempat sebagai justifikasi bagi pembukaan sesebuah cawangan perbankan. Pejabat Wilayah Kota Kinabalu BNM juga akan terus mengadakan sesi penglibatan komuniti dengan penduduk setempat untuk menentukan sama ada penduduk setempat memerlukan perkhidmatan perbankan tambahan.

Selain daripada perkhidmatan ejen bank dan cawangan bank, penduduk Pitas juga boleh mengakses perkhidmatan kewangan yang mudah daripada rangkaian perbankan di talian yang merangkumi pelbagai transaksi perbankan, termasuk perkhidmatan pembayaran bil serta pinjaman sama ada melalui internet persendirian atau di Pusat Internet 1Malaysia yang disediakan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).